



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMBINAAN SEMULA BANGUNAN DAIF SK KAMPONG MELAYU KLUANG

KLUANG, JOHOR - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah turun padang meninjau kemajuan kerja pembinaan semula bangunan daif di Sekolah Kebangsaan Kampong Melayu, Kluang, Johor.

2. Usaha menyelesaikan isu sekolah daif di seluruh negara ini merupakan salah satu agenda utama Kerajaan Perpaduan yang dicetuskan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mahukan tindakan pelaksanaan segera diambil demi menjamin kebajikan rakyat, keselamatan murid dan guru serta meningkatkan persekitaran pembelajaran yang kondusif seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan Rakyat Madani.

3. Projek milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini bernilai RM2.28 juta dan agensi pelaksanaannya ialah Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dengan Jurutera Daerah JKR Kluang sebagai Pegawai Penguasanya.

4. Projek ini baharu sahaja dimulakan pada 18 Julai 2024 dan sehingga 25 Ogos 2024, kemajuan fizikal projek ini ialah 3% dimana kerja awalan yang telah siap ialah kerja - kerja membina laluan keluar masuk dan kerja - kerja meroboh kantin, bumbung pejalan kaki yang sebelum ini berada dalam keadaan uzur dan daif. Pembinaan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada November 2025.

5. Antara skop projek ini ialah pembinaan kantin, bumbung laluan pejalan kaki dan pentas baharu. Selain itu, terdapat juga kerja elektrik dan mekanikal seperti pemasangan paip air sejuk dalaman, paip kumbahan, pengudaraan mekanikal dan sistem pemadaman kebakaran.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pengurus projek dan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. KKR sangat menghargai kepercayaan yang diberikan oleh KPM kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi pelaksana untuk menyiapkan infrastruktur pendidikan negara ini.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
2 SEPTEMBER 2024